

Oleh **Noor Mohamad Shakil Hameed**

iCGPA platform terbaik lahir pelajar holistik

Sekalung tahniah kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), terutama Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Idris Jusoh yang memperkenalkan Sistem Purata Nilai Gred Keseluruhan Berintegrasi (iCGPA) bagi mengukur kebolehan dan kemampuan pelajar universiti dalam bidang akademik dan juga nilai dan kemahiran insaniah.

Mengikut perancangan sistem berkenaan akan mula dilaksanakan dalam kalangan 200 hingga 300 mahasiswa baru yang akan memulakan pengajian di lima fakulti terpilih di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi MARA (UITM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada semester akan datang. Antara elemen yang bakal dinilai dalam sistem ini pengetahuan, kemahiran praktikal, kemahiran tanggungjawab sosial, nilai dan etika, komunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah, pengurusan maklumat, keusahawanan serta perpaduan dan patriotisme.

Melalui sistem penilaian secara holistik ini mahasiswa yang menunjukkan kelemahan dalam mana-mana satu daripada sembilan kualiti itu akan dibantu untuk memperbaiki diri. Misalnya jika ada pelajar gagal mendapat nilai baik dalam aspek kepemimpinan melalui kursus akademik yang diambil, dia boleh menyertai aktiviti kokurikulum lain di kampus untuk menambah baik kualiti berkenaan. Idealnya sistem ini juga akan membolehkan pihak universiti membantu membimbing mahasiswa menambah baik personaliti diri sendiri supaya menjadi siswa yang memiliki kualiti menyeluruh ketika menamatkan pengajian di universiti masing-masing.

Realitinya pada hari ini bilangan graduan yang menamatkan pengajian dari 20 Universiti Awam (UA) dan beratus lagi universiti serta kolej swasta semakin meningkat. Cabaran kepada graduan untuk mendapatkan peluang pekerjaan menjadi semakin kompleks dan sukar apatah lagi memperoleh pekerjaan yang diminati mahupun bersesuaian dengan bidang pengajian dan kelayakan masing-masing.

Tambahan pula majoriti pelajar sekarang sememangnya cerdas dan cemerlang dalam bidang aka-

demik. Ramai memperoleh kepujian kelas pertama dalam bidang masing-masing. Ini menyebabkan majikan sentiasa menghadapi masalah untuk memilih calon yang bersesuaian bagi menjawat sesuatu jawatan yang ditawarkan. Hal ini kerana kebanyakan calon yang datang untuk temuduga memiliki kualiti kelayakan akademik yang hebat dan sama. Justeru, majikan terpaksa memikirkan elemen tambahan selain pencapaian akademik sebagai kriteria khas yang boleh membantu mereka untuk menilai dan membezakan kelebihan dimiliki setiap calon yang datang untuk temuduga. Dalam konteks ini elemen tambahan sering dijadikan rujukan ialah nilai tambah yang dimiliki oleh graduan iaitu kemahiran insaniah yang diperolehi hasil pembabitan dalam pelbagai aktiviti kokurikulum sepanjang pengajian mereka di universiti masing-masing.

Pelajar berkemahiran

Secara umumnya majikan hari ini tidak memerlukan ulat buku mahupun individu yang hanya hebat atas kertas mahupun yang hanya tahu teori semata-mata untuk bekerja dengan mereka. Apa yang diperlukan oleh pasaran kerja sekarang ialah individu yang boleh berfikir dan bertindak sendiri di bawah pengawasan dan pementauan yang sangat minimum, berkemahiran tinggi baik dari aspek komunikasi terutama dalam bahasa Inggeris, mampu bekerja dalam pasukan serta menyelesaikan masalah mahupun menterjemahkan teori kepada praktikal.

Inilah cabaran dunia kerjaya pada hari ini dan ternyata hanya graduan yang memiliki kualiti dan ciri-ciri yang mampu menambat hati majikan mereka. Untuk itu pihak universiti sememangnya perlu menyediakan platform yang sewajarnya supaya pelajar mereka bukan saja cemerlang dalam akademik, tetapi juga dapat memperoleh semua kemahiran insaniah yang diperlukan sebagai nilai tambah dalam mempersiapkan diri menceburi alam pekerjaan kelak.

Justeru penulis percaya sistem iCGPA mampu menjadi platform terbaik untuk membolehkan universiti mengenal pasti kelemahan yang ada pada pelajar seterusnya membantu dan membimbing bakal graduan mereka supaya memenuhi ekspektasi dan kehendak

bakal majikan. Hal ini penting kerana melalui sistem ini kita juga dapat mengetahui kelemahan yang ada dalam modul program dan aktiviti yang dianjurkan selama ini sama ada berkesan atau tidak.

Dalam konteks ini apa yang penting penganjuran aktiviti kokurikulum di luar bilik kuliah wajar dinilai, disemak dan diperkasakan semula supaya ia berfokus dan memberi impak serta nilai tambah kepada pelajar seperti yang diharapkan. Aktiviti yang dianjurkan juga perlu menjurus kepada elemen pembabitan pelajar secara praktikal ataupun 'hands on' supaya mereka mendapat pendedahan dan pengalaman kehidupan dunia yang sebenar. Hal ini penting kerana kita tidak mahu pelajar hanya didedahkan kepada teori melalui buku teks, nota kuliah dan kursus semata-mata sebaliknya kita berharap mereka akan lebih banyak berada di lapangan ataupun bersama-sama dengan masyarakat untuk mendapatkan pendedahan dan pengalaman yang nyata.

Bagi memastikan sistem baru ini mencapai hasrat yang ditetapkan iaitu melahirkan pelajar holistik, sistem penilaian yang bakal digunapakai untuk menilai pencapaian pelajar perlulah mantap dan objektif iaitu boleh diukur secara jelas dan nyata. Pencapaian prestasi setiap pelajar perlu dinilai secara objektif agar gabungan pencapaian mereka dalam bidang akademik dan juga kokurikulum dapat diterjemahkan secara jelas yang menunjukkan prestasi dan pencapaian individu pelajar terbabit. Keputusan penilaian ini kelak bakal membantu pelajar itu 'menjual' dan memasarkan diri mereka kepada majikan ataupun boleh membantu majikan kelak memilih calon pekerja yang mereka mahukan. Di samping itu kita juga berharap supaya dengan adanya kaedah baru ini kelak kita boleh mengarahkan kadar kebolehpasaran graduan setiap universiti itu boleh menampakkan peningkatan yang drastik. Semoga akhirnya hasrat pihak KPT dan juga masyarakat untuk melahirkan graduan yang holistik, serba boleh dan mampu menembusi pasaran kerjaya tempatan dan antarabangsa dapat direalisasikan.

Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM